

25 MAY 2001

Hon-Kantin

PEMBERIAN KONTRAK KANTIN BELUM MUKTAMAD, KATA HON

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Isu pemberian kontrak membekalkan makanan untuk asrama di sekolah berasrama penuh di seluruh negara hanya akan diputuskan apabila persetujuan dicapai mengenai kaedah pelaksanaannya yang sedang dikaji, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Hon Choon Kim.

Beliau berkata antara yang masih dalam pertimbangan kementerian ialah faktor harga yang mungkin akan memberikan kesan kepada pelajar dan ibu bapa, faktor bekalan bahan mentah serta faktor kebajikan pengusaha kantin Bumiputera sedia ada yang mungkin terpaksa "gulung tikar".

Menurutnya, sebelum ini kerajaan memang bercadang melantik konsortium sebagai projek perintis untuk membekalkan makanan ke semua asrama sekolah di seluruh negara.

"Bagaimanapun cadangan itu masih dikaji bagi menentukan sama ada ia benar-benar cara yang terbaik untuk dilaksanakan supaya tiada pihak yang terbebani dengan keputusan itu nanti," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur bagi pihak Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed di sini.

Hon berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa kerajaan dipercayai akan membatalkan keputusannya untuk memberikan kontrak yang bernilai kira-kira RM300 juta itu kepada dua konsortium -- Mas Catering-Advent-TNTC Sdn Bhd (Masat) dan Besta Distributors Berhad.

Pada akhir 1999 Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU) dilaporkan bersetuju supaya Masat diberikan hak untuk membekalkan makanan ke asrama penuh di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu manakala Besta bagi Perak, Selangor dan Kuala Lumpur.

Bagi Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, kontrak itu diberikan kepada Konsortium Darul Aman manakala bekalan makanan kepada asrama penuh di Kelantan pula akan diuruskan oleh Konsortium Darul Naim.

Bagaimanapun keputusan itu dibantah oleh Gabungan Konsortium Pembekal Makanan Bermasak (GKPMB) yang menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dengan menyifatkan keputusan berkenaan tidak wajar kerana ia menutup peluang berniaga syarikat Bumiputera.

Ketika ditanya sama ada pelaksanaan kontrak itu akan tetap dilakukan pada pertengahan Jun ini seperti yang dirancangan, Hon berkata ia mungkin akan ditangguhkan sehingga keputusan dicapai dan diluluskan oleh Kabinet.

"Memang ia sepatutnya dimulakan pertengahan Jun. Tetapi pada masa ini kita masih belum bersedia untuk melaksanakannya," kata beliau.

Hon berkata apa yang penting bagi kementerian ialah untuk memastikan harga makanan yang disediakan oleh konsortium itu nanti tidak terlalu tinggi.

Katanya, jika boleh kementerian itu juga akan menimbangkan supaya pengusaha kantin yang sedia ada serta pekerja mereka dapat terus melibatkan diri dalam membekalkan makanan kepada pelajar serta memperolehi faedah daripada kontrak tersebut.

"Tetapi kita tidak mahu membuat keputusan dengan tergesa-gesa. Kita perlu melihat perkara ini dengan berhati-hati, supaya kita dapat menghasilkan keadaan 'menang-menang' untuk faedah semua pihak," katanya.

-- BERNAMA

NHA AHH NMO